

27 MAY 1996

Kazakhstan - Malaysia

KAZAKHSTAN DAN MALAYSIA TANDATANGANI TIGA PERJANJIAN

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Kazakhstan dan Malaysia hari ini menandatangani tiga perjanjian untuk menggalakkan hubungan ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Perjanjian itu ialah mengenai Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal; Perdagangan; serta Promosi dan Perlindungan Pelaburan.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menandatangani perjanjian pertama dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz menandatangani dua lagi perjanjian manakala Menteri Luar Kazakhstan Kasymzhomart Tokayev mewakili kerajaan negaranya.

Ketika bercakap kepada pemberita, Abdullah berkata Malaysia dijangka menandatangani empat lagi perjanjian dengan Kazakhstan semasa lawatan Dr Mahathir ke negara itu kemudian tahun ini.

Perjanjian-perjanjian akan datang itu merangkumi perkhidmatan udara, pemansuhan separuh daripada visa, pengelakan pencukaian dua kali dan pembayaran duahala.

Nazarbayev adalah dalam hari kedua lawatan negara selama empat hari ke Malaysia.

Menurut Abdullah, terdahulu semasa perjumpaan rombongan itu di Jabatan Perdana Menteri, Kazakhstan menjemput rakyat Malaysia melabur dalam pembinaan ibu negara barunya Akmola, dan projek-projek lapangan terbang dan keretapi.

Menteri Luar Kazakhstan berkata negaranya berminat untuk menyertai cadangan pembinaan perhubungan keretapi Asia-Eropah dari Singapura ke Eropah menerusi China, Kazakhstan dan Iran.

Abdullah berkata Dr Mahathir menawarkan Kazakhstan 20 tempat untuk pelajarannya di universiti-universiti Malaysia.

Perdagangan antara Malaysia dan Kazakhstan berjumlah RM11.5 juta tahun lepas. -- BERNAMA

JM CR